

## LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk Ar RahnuKT. Sila pastikan juga anda membaca terma & syarat am produk ini. Dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami manamana bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am ini.

---

### 1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk Ar RahnuKT?

Pembentangan melalui gadaian Ar RahnuKT merupakan satu skim Pajak Gadai Islam. Pelanggan yang layak boleh memohon kemudahan pembentangan daripada Ar Rahnu KT dengan jumlah yang telah dipersetujui bersama dengan mencagarkan sejumlah barang emas atau barang kemas (kategori emas) yang dipersetujui kepada Ar Rahnu KT.

Di bawah produk ini, pelanggan adalah pemilik emas yang sah dan bersetuju untuk menggadai emas miliknya (emas yang diikiraf oleh Ar Rahnu KT) sebagai cagaran untuk membolehkan pembentangan sejumlah wang diterima daripada Ar Rahnu KT.

Barang emas atau barang kemas gadaian akan disimpan oleh Ar Rahnu KT. Pelanggan perlu membayar upah simpan sebagai caj kadar keuntungan kepada Ar Rahnu KT. Tempoh penyimpanan barang gadaian dan caj kadar keuntungan akan ditentukan terlebih dahulu dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (Ar RahnuKT dan pelanggan).

### 2. Apakah produk pembentangan yang ditawarkan oleh Ar RahnuKT?

- Ar-Rahnu Prihatin
- Ar-Rahnu Prima

### 3. Apakah konsep syariah yang digunakan?

Konsep yang diaplikasikan dalam sistem gadaian islam Ar Rahnu KT adalah Menggabungkan konsep-konsep Syariah Ar Rahnu, Tawarruq , Al Wadiyah, dan Kadar Keuntungan.

- **Ar Rahnu** adalah mekanisme di mana satu barang berharga dijadikan sandaran yang terikat dengan pembentangan secara bercagar yang boleh dibayar dengannya, sekiranya pembentangan tersebut tidak dapat dijelaskan.

#### i) Definisi Tawarruq

- Tawarruq adalah merujuk kepada transaksi jual beli komoditi atau aset berasaskan pembayaran tangguh secara Murabahah (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) atau Musawamah (iaitu jual beli yang tidak mendedahkan harga kos aset dan margin keuntungan) daripada penjual kepada

pembeli, dan kemudiannya komoditi atau aset tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai. Tatacara akad Tawarruq adalah seperti berikut:

- a. Penggadai bersetuju untuk membeli komoditi daripada KT pada Harga Jualan dengan bayaran tangguh.
- b. Penggadai kemudiannya menjual komoditi yang telah dibeli kepada Pembeli Komoditi (pihak ketiga) melalui KT sebagai wakil Pembeli Komoditi secara tunai yang bersamaan dengan Jumlah Pembiayaan yang diberikan oleh Ar RahnuKT kepada penggadai. Penggadai akan menggadaikan emas iaitu barang gadaian sebagai sekuriti kepada KT berdasarkan kontrak Rahn (gadaian) terhadap keberhutangan penggadai.
- c. KT berhak melelong barang gadaian jika penggadai gagal menjalankan kewajipannya.

**Peringatan:**

**KT tidak akan meneruskan permohonan pembiayaan bagi mana-mana pelanggan yang memilih untuk pemilikan fizikal komoditi yang dibeli oleh penggadai.**

ii)

**Al Wadiyah Yad Domanah (Simpanan Dengan Jaminan)**

Pemegang gadaian menyimpan barang gadaian dan menjamin keselamatan barang tersebut. KT akan bertanggungjawab ke atas barang gadaian di bawah simpanan KT dan akan memulangkan barang gadaian tersebut kepada penggadai setelah pembayaran penuh dibuat.

iii)

**Kadar Keuntungan**

Merupakan caj yang dikenakan ke atas setiap transaksi pembiayaan yang diluluskan, pengiraan caj Keuntungan dikira secara harian. Kadar Keuntungan tertakluk kepada tempoh kontrak.

**4. Apakah kelebihan memilih produk ini?**

- Pembiayaan berlandaskan Syariah
- Cepat dan mudah
- Perlindungan Takaful ke atas barang gadaian
- Kadar keuntungan yang rendah
- Kadar keuntungan tetap (tidak berubah) sehingga penebusan
- Nilai emas yang kompetitif

**5. Apakah kriteria kelayakan untuk memohon?**

- Warganegara / bukan warganegara.
- Jika bukan warganegara mestilah mempunyai passport/ permit bekerja yang sah
- Mestilah mempunyai alamat tetap atau surat menyurat di Malaysia
- Anggota Koperasi Tentera / Orang awam
- 18 tahun ke atas
- Waras
- Tidak muflis

**6. Adakah saya perlukan penjamin?**

- Tidak

**7. Berapakah Had Pembiayaan untuk seorang penggadai?**

PERKARA	AR-RAHNU PRIHATIN	AR-RAHNU PRIMA
Margin Pembiayaan	65%	70%
Kadar Keuntungan	RM0.55	RM0.79
Julat Pembiayaan	< RM800.00	RM801.00 – RM300,000.00
Pembiayaan Maksimum 1 hari	RM800.00	RM75,000.00
Pembiayaan Maksimum Keseluruhan	RM5,000.00	RM300,000.00
<b>Nota : Had Pembiayaan bagi sorang penggadai tidak melebihi RM 300,000.00</b>		

**8. Berapa lamakah tempoh gadaian yang boleh ditawarkan kepada saya?**

Tempoh gadaian yang ditawarkan adalah satu (1) tahun dengan syarat penggadai membuat bayaran kadar keuntungan enam (6) bulan pertama tempoh gadaian. Sekiranya tiada bayaran dibuat, tindakan lelongan boleh diteruskan setelah memberi notis yang mencukupi.

Notis:

- Notis 1 (30 Hari Sebelum Tarikh Matang)
- Notis 2 (15 Hari Sebelum Tarikh Matang)
- Notis 3 (14 Hari Selepas Tarikh Matang)
- Notis Terakhir (Minimum 21 Hari Selepas Tarikh Matang)

Nota : Caj akan dikenakan ke atas notis-notis ini. Sebarang surat menyurat akan dihantar melalui pos ke alamat yang telah didaftarkan.

**9. Apakah jenis barang gadaian yang boleh diterima oleh Ar RahnuKT?**

KT menerima barang gadaian/cagaran dalam bentuk emas / barang kemas, jongkong, wafer dan syiling emas yang tersenarai dalam sistem Ar RahnuKT dan mempunyai mutu-mutu emas seperti yang disenaraikan di bawah sahaja untuk gadaian :

- mutu emas 999 • mutu emas 950 • mutu emas 916
- mutu emas 875 • mutu emas 835 • mutu emas 750

**KT TIDAK MENERIMA** barang gadaian/cagaran berikut:

- daripada pengedar/pengeluar yang telah disenaraihitam oleh BNM, *Consumer Alert , Fraud Alert.*
- Emas berbatu/permata
- 100% emas putih
- Rantai/gelang putus

\* barang gadaian/cagaran mestilah dimiliki oleh penggadai sepenuhnya.Tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

#### **10. Bagaimakah cara pembayaran balik pembiayaan dibuat?**

Bayaran pembiayaan oleh penggadai secara :

- Ansuran tunai; atau
- Tunai sekali gus
- Ar RahnuKT hanya menerima transaksi bayaran secara tunai sahaja.

#### **11. Apakah caj yang perlu saya bayar?**

##### Caj Kadar Keuntungan

Pengiraan kadar keuntungan dikira secara harian. Tiada tempoh caj minimum kadar keuntungan. Jika penggadai menggadai dan menebus pada hari yang sama, tiada caj keuntungan yang dikenakan ke atas penggadai.

##### Caj Notis

Notis akan dikeluarkan bagi tempoh tertentu seperti mana yang dijelaskan item no. 17.

##### Caj Kos Pengurusan

Kos Pengurusan merupakan caj yang dikenakan ke atas mana-mana akaun penggadai yang telah melebihi tempoh kontrak (1 tahun). Rujuk item no.22 untuk perincian keterangan.

#### **12. Apakah tanggungjawab saya?**

Membayar jumlah Pembiayaan termasuk semua caj yang dikenakan kepada penggadai dan Kadar Keuntungan pada tarikh bayaran yang ditetapkan dalam kontrak.

#### **13. Bagaimakah pembiayaan ini dikira?**

Nilai Marhun (nilai emas)	:	RM2,000.00
Jumlah amaun pembiayaan	:	RM1,400.00 (70% atas nilai emas)
Tarikh Pembiayaan	:	27/08/2021
Tempoh Pembiayaan	:	365 hari (12 bulan)
Tarikh matang	:	27/08/2022
Kadar Keuntungan (pada bulan ke-6)	:	RM95.58 (27/02/2022)
Kadar keuntungan (pada bulan ke-12)	:	RM94.02 (27/08/2022)

Anda akan mendapat pembiayaan wang tunai berjumlah **RM 1,400**. Formula pengiraan Kadar Keuntungan:

$$JK = \frac{NM}{100} X K X \frac{12}{365} X T$$

JK =	Jumlah Keuntungan	NM =	Nilai Marhun
T =	Tempoh (Hari)	K =	Kadar Keuntungan
12 =	Jumlah Bulan	365 =	Bilangan Hari (1 tahun)

#### Pengiraan Kadar Keuntungan:

Kadar = RM 2,000.00 x 0.79 180 x 12 x =  
**RM189.60** keuntungan 100 365

Sekiranya terdapat sebarang perubahan terma dan syarat atau fi dan caj terhadap struktur pengiraan di atas, pihak kami akan menghubungi penggadai sekurang kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh efektif perubahan tersebut dilaksanakan.

Penggadai ditawarkan kontrak pembiayaan 1 tahun dengan syarat pelanggan menjelaskan kadar keuntungan 6 bulan pertama. Tempoh maksimum dibenarkan hanya 1 kali. Sekiranya tiada bayaran dibuat, tindakan lelongan selepas matang 6 bulan pertama boleh diteruskan setelah memberi notis yang mencukupi.

14. Berapakah jumlah yang perlu saya bayar sekiranya saya ingin membuat penyelesaian penuh pembiayaan sebelum tarikh matang? Apakah itu Ibra?

Sekiranya penggadai ingin menebus barang gadaian lebih awal dari tempoh yang ditetapkan dengan membuat penyelesaian awal, koperasi akan memberikan ibra' (rebab) kepada penggadai tersebut. Penggadai hanya perlu membayar kadar keuntungan sehingga tarikh penebusan sahaja termasuk kos lain-lain caj iaitu Notis (jika ada).

## **Contoh pengiraan Ibra':**

Pelanggan ingin menebus barang gadaian lebih awal dari tempoh yang ditetapkan (1 tahun) dengan membuat penyelesaian penuh / penebusan, Ar RahnuKT akan memberikan ibra' (rebat) kepada amaun yang dibayar. Kadar keuntungan dikira secara harian dan diambilkira sehingga tempoh penebusan dilaksanakan sahaja.

**Contohnya,**

Pelanggan menebus hari ke 30:

Jumlah Pembiayaan	= RM715.00
Tarikh pembiayaan	= 01 Januari 2020
Tarikh Tamat kontrak (1 tahun)	= 01 Januari 2021
Tarikh tebus	= 31 Januari 2020
Kadar keuntungan 1 tahun	= RM72.80
(+) Kadar Keuntungan (30 hari)	= RM5.97
Jumlah perlu dibayar	= RM720.97

Pengiraan kadar keuntungan **1 tahun**:

Jumlah Pembiayaan	= RM715.00
Tarikh pembiayaan	= 01 Januari 2020
Tarikh Tamat kontrak (1 tahun)	= 01 Januari 2021 Kadar
keuntungan 1 tahun	= RM72.80

Kadar Keuntungan (30 hari)	=	RM1,100.00	x	0.55	x	12	x	366	=	<b>RM72.80</b>
				100				365		

Pengiraan kadar keuntungan sehingga tebus (30 hari):

Tarikh pembiayaan	= 01 Januari 2020
Tarikh tebus	= 31 Januari 2020
Kadar Keuntungan (30 hari)	= RM5.97

Kadar Keuntungan (30 hari)	=	RM1,100.00	x	0.55	x	12	x	30	=	<b>RM5.97</b>
				100				365		

Jumlah perlu dibayar:

Jumlah Pembiayaan	= RM715.00
(+) Kadar Keuntungan (30 hari)	= RM5.97
Jumlah	= RM720.97

**Pengiraan Jumlah ibra' (Rebat)**

Kadar keuntungan 1 tahun	= RM72.80
(-) kadar keuntungan 30 hari	= RM5.97
Jumlah ibra' (rebат)	= RM66.83

**15. Gadaian saya telah tamat 1 tahun, apa perlu saya lakukan?**

- Melaksanakan penebusan penuh
- Sekiranya tiada sebarang penebusan dibuat sehingga mele过asi tempoh di atas. Maka, Pihak Ar RahnuKT berhak melaksanakan lelongan ke atas barang gadaian tersebut. Tindakan lelongan boleh diteruskan setelah kesemua notis telah dikeluarkan kepada penggadai. Tarikh lelongan akan dinyatakan dalam Notis tersebut.

**16. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?**

- Sekiranya anda gagal menebus barang gadaian tersebut dalam tempoh pembiayaan yang ditetapkan, atau berlaku kematian atau hilang upaya kekal atau penggadai diisyihar muflis, maka pihak Ar RahnuKT berhak melaksanakan lelongan ke atas barang gadaian berkenaan mengikut prosedur penjualan/pelelongan.
- Wang hasil daripada jualan/lelongan akan digunakan untuk membayar amau terhutang, kos penjualan/pelelongan dan kos-kos yang berkaitan. Bakinya boleh anda tuntut sejurus menerima notis wang lebihan lelongan.
- Namun, sekiranya hasil lelongan tidak mencukupi untuk menampung kos-kos yang berkaitan dan membayar jumlah tungakkan, maka tindakan undang-undang akan dibuat terhadap mana-mana penggadai yang terlibat.

**17. Adakah Pihak Ar RahnuKT akan menghantar sebarang notis berkaitan pembiayaan Ar-RahnuKT kepada saya?**

- YA
- Notis akan dihantar ke alamat terkini yang didaftarkan dalam sistem Ar RahnuKT. Ianya hendaklah dianggap telah diserahkan selepas penghantaran notis tersebut dibuat.

**Notis 1** (30 Hari Sebelum Tarikh Matang)

**Notis 2** (15 Hari Sebelum Tarikh Matang)

**Notis 3** (14 Hari Selepas Tarikh Matang)

**Notis Terakhir** (Minimum 21 Hari Selepas Tarikh Matang)

Nota : Caj akan dikenakan ke atas notis-notis ini. Sebarang surat menyurat akan dihantar melalui pos ke alamat terkini yang telah didaftarkan dalam sistem Ar RahnuKT.

**18. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?**

Sekiranya tiada sebarang bayaran dibuat sehingga mele过asi tempoh matang 6 bulan pertama. Maka, Pihak Ar RahnuKT berhak melaksanakan lelongan ke atas mana-mana barang gadaian tersebut.

Tindakan lelongan akan dilaksanakan selepas tempoh 8 bulan pembiayaan dibuat dan masih tidak berbayar serta dilaksanakan bagi mana-mana akaun gadaian yang telah diberikan tindakan susulan iaitu penghantaran Notis 1, 2, 3 dan Terakhir dilaksanakan namun masih tiada sebarang tindakan bayaran atau penebusan oleh penggadai.

**19. Adakah saya masih layak menebus barang gadaian saya sekiranya barang tersebut telah tersenarai untuk lelongan?**

- **YA.**
- Penebusan atau bayaran kadar keuntungan 6 bulan pertama masih boleh dilaksanakan pada bila-bila masa kecuali pada hari lelongan dilaksanakan.
- Hanya terpakai bagi gadaian yang belum melaksanakan bayaran 6 bulan pertama sahaja.

**20. Adakah saya boleh menebus barang gadaian sekiranya barang gadaian telah dipamerkan di dalam tender jualan?**

- **TIDAK.**
- Pelanggan dikehendaki mengemukakan bidaan bagi sesi lelongan.

**21. Adakah saya boleh menuntut Lebihan lelongan?**


- **YA.** Tuntutan hanya boleh dibuat di cawangan anda menggadai.
- Lebihan lelongan merupakan hasil lelongan yang mempunyai lebihan setelah hasil jualan lelongan ditolak jumlah pembiayaan+kadar keuntungan+lain-lain caj (Notis1,Notis 2, Notis 3 dan Notis Terakhir). Lebihan ini boleh dituntut oleh penggadai berkenaan. Bayaran hanya dibuat dalam bentuk tunai sahaja.
- Surat makluman tuntutan lebihan akan dihantar kepada penggadai berkenaan dan penggadai diminta menuntut lebihan tersebut. Sekiranya dalam tempoh 24 bulan wang tersebut tidak juga dituntut, ianya akan diuruskan tertakluk kepada "**Akta wang tidak dituntut 1965**".

**22. Lebihan lelongan saya telah diserahkan ke "Akta Wang Tidak Dituntut 1965". Apa yang perlu saya lakukan bagi menuntut lebihan tersebut?**

- Sila dapatkan surat pengesahan Wang Tidak Dituntut di cawangan Ar RahnuKT tempat anda menggadai.
- Bawa surat tersebut dan sila berurusan secara terus ke **Jabatan Akauntan Negara Malaysia**.

**23. Kos Pengurusan**

- Kos Pengurusan merupakan caj yang dikenakan ke atas mana-mana akaun penggadai yang telah melebihi tempoh kontrak (1 tahun) dan ia dikira berasingan dengan caj notis. Kos Pengurusan dikira secara harian, caj kos pengurusan akan dikenakan sehingga barang ditebus atau barang cagaran telah laku lelong.



Kaedah Kiraan Kos Pengurusan:

JKP	JUMLAH KOS PENGURUSAN	NM	NILAI MARHUN
T	TEMPOH (HARI)	KKP	KADAR KOS PENGURUSAN

$$\begin{array}{ccccccccc}
 \text{JKP} & = & \text{NM} & \times & \underline{\text{KKP}} & \underline{\times} & 12 & \times & \text{T} \\
 & & & & & & & & \\
 & & & & & 100 & & & 365 \\
 \end{array}$$

Terdapat 2 contoh pengiraan kos pengurusan, iaitu:

- i. Penebusan selepas tarikh kontrak
- ii. Selepas Tindakan Lelongan

**Contoh i:**

Pemohon menebus balik gadaian selepas tamat kontrak iaitu pada 08 Januari 2021 (lebih 7 hari daripada kontrak)

**Langkah 1:**

Maklumat Pembiayaan

Maklumat pembiayaan:

Nilai Marhun	= RM1,100
Jumlah pembiayaan	= RM715 (65% atas nilai marhun)
Tarikh lulus Pembiayaan	= 01 Jan 2020
Kadar Keuntungan	= RM0.55

**Langkah 2:**

Pengiraan Kadar Keuntungan

Tarikh lulus pembiayaan	= 01 Jan 2020
Tarikh Tamat kontrak 1 tahun	= 01 Jan 2021
Jumlah Hari	= 366 hari

Kadar Keuntungan (1 tahun)	=	RM1,100.00	x	0.55	x	12	x	366	=	RM72.80
				100				365		

### Langkah 3:

Pengiraan kos pengurusan

Tarikh Tamat kontrak 1 tahun = 01 Jan 2021  
 Tarikh Penebusan = 08 Jan 2021 (lebih 7 hari daripada kontrak)

Kos Pengurusan	=	RM1,100.00	x	0.55	x	12	x	7	=	<b>RM1.39</b>
				100				365		

### Langkah 4:

Pengiraan jumlah penebusan (jumlah pembiayaan + keuntungan) + Kos Pengurusan keseluruhan yang perlu dibayar pelanggan:

Jumlah Penebusan	=	Jumlah pembiayaan RM715.00 + Keuntungan RM72.80 + Kos Pengurusan RM1.39  <b>= RM789.19</b>
Tawarruq	=	<b>Harga Belian:</b> RM715.00  <b>Harga Jualan:</b> RM787.80  Jumlah penebusan (lebih 7 hari daripada kontrak) <b>=RM 789.19</b>  *Jumlah penebusan Ar-Rahnu adalah bersamaan dengan harga jualan dan kadar kos pengurusan lebihan selama 7 hari daripada kontrak)

**Contoh ii:**

Barang cagaran pelanggan telah dilelong dan laku lelong pada 01 Mac 2021 (59 hari) 2 bulan selepas tamat kontrak.

**Langkah 1:**

Maklumat Pembiayaan

Maklumat pembiayaan

Nilai Marhun	= RM1,100
Jumlah pembiayaan	= RM715 (65% atas nilai marhun)
Tarikh lulus Pembiayaan	= 01 Jan 2020
Kadar Keuntungan	= RM0.55

**Langkah 2:**

Pengiraan Kadar Keuntungan 1 tahun

Tarikh lulus pembiayaan	= 01 Jan 2020
Tarikh Tamat kontrak 1 tahun	= 01 Jan 2021
Jumlah Hari	= 366 hari

Kadar Keuntungan (1 tahun)	=	RM1,100.00	x	0.55	x	12	x	366	=	<b>RM72.80</b>
				100				365		

**Langkah 3:**

Kaedah Pengiraan kos pengurusan:

Bagi mendapatkan jumlah kos pengurusan, pengiraan jumlah hari selepas tarikh kontrak sehingga tarikh lelongan laku perlu dikira terlebih dahulu. Kemudian kiraan seterusnya akan dibuat dengan menggunakan formula dibawah:

Tarikh Tamat kontrak 1 tahun	= 01 Jan 2021
Tarikh Laku Lelang	= 01 Mac 2021
Bilangan Hari	= 59 hari

Kos Pengurusan (lebih 59 hari dari kontrak)	=	RM1,100.00	x	0.55	x	12	x	59	=	<b>RM11.74</b>
				100				365		

#### Langkah 4:

Pengiraan jumlah penebusan = (jumlah pembiayaan + keuntungan) + Kos Pengurusan keseluruhan yang perlu dibayar pelanggan:

Jumlah Penebusan	= Jumlah pembiayaan RM715.00 + keuntungan RM72.80 + kos pengurusan RM11.74  <b>= RM799.54</b>
<b>Tawarruq</b>	<b>Harga Belian:</b> RM715.00  <b>Harga Jualan:</b> RM787.90  Jumlah Penebusan (lebih 59 hari dari kontrak) = <b>RM 799.54</b>  *Jumlah penebusan Ar Rahnu adalah bersamaan dengan harga jualan dan kadar kos pengurusan lebihan selama 59 hari daripada kontrak.

#### 23. Kurangan lelongan dan tanggungjawab saya

- Kurangan lelongan merupakan jumlah kurangan apabila hasil jualan lelongan yang tidak dapat menampung jumlah bayaran pembiayaan+kadar keuntungan+lain- lain caj (Notis1,Notis 2, Notis 3 dan Notis Terakhir).
- Penggadai bertanggungjawab memastikan segala kurangan dan tunggakan dilunaskan.
- Mana-mana penggadai yang gagal melunaskan kurangan tersebut boleh disenarai hitamkan dan tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh pihak Ar RahnuKT.
- Bayaran jumlah kurangan hanya boleh dilaksanakan di cawangan anda melaksanakan gadaian.

#### 24. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butiran peribadi saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak cawangan (tempat anda melaksanakan transaksi gadaian) mengenai sebarang perubahan kepada butiran peribadi anda untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan anda disampaikan dengan berkesan.

#### 25. Bagaimanakan untuk mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut berkaitan ArRahnuKT?

- Untuk maklumat lanjut, sebarang pertanyaan/aduan atau maklum balas mengenai produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-2303 0000 atau hubungi/kunjungi cawangan Ar RahnuKT yang berdekatan.

## CAWANGAN AR RAHNUKT

### 1 Ar RahnuKT Sungai Besi,

No 57, Jalan Tasik Utama 4  
Medan Niaga Tasik Damai,  
The Trillium Lakefields, Sg Besi  
57000 Kuala Lumpur  
**Tel: 03-9054 5900/5903**

### 2 Ar RahnuKT Wangsa Maju

No. 25, Jalan Wangsa Delima 1A,  
Pusat Bandar Wangsa Maju,  
53300 Kuala Lumpur  
**Tel: 03-41420613/0484**

### 3 Ar RahnuKT Subang Perdana

No. 6, Jalan Dinar D U3/D,  
Seksyen U3,  
Taman Subang Perdana,  
40150 Shah Alam Selangor.  
**Tel: 03-78400296/328**

### 4 Ar RahnuKT Sungai Udang,

No. 14, Lorong 2,  
Jalan Desa Taming Sari,  
Taman Desa Taming Sari,  
76300 Sungai Udang, Melaka  
**Tel: 06-3574870**

### 5 Ar RahnuKT Kluang,

No 45, Jalan Rambutan,  
86000 Kluang,  
Johor Darul Takzim  
**Tel: 07 -7711861**

### 6 Ar RahnuKT Port Dickson

No 10, Blok 6, Jalan Waterfront 1  
71000 Port Dickson  
Negeri Sembilan  
**Tel: 06-6462670/3712**

### 7 Ar RahnuKT Sungai Petani

No. A1, Jalan 2,  
Cinta Sayang Resort Homes,  
08000 Sungai Petani,  
Kedah Darul Aman  
**Tel: 04-4260001**

### 8 Ar RahnuKT Tawau

Lot 9, Block B,  
Sabindo Square,  
Bandar Sabindo,  
91000 Tawau Sabah.  
**Tel: 08-9706603/600**

### 9 Ar RahnuKT Kota Bharu

No. AG-G-04, AG-G-05 & AG-G-06,  
Al-Waqf Tunjong,  
Jalan Kuala Krai,  
16010 Kota Bharu, Kelantan  
**Tel: 09-973 0260**

### 10 Ar RahnuKT KL Main

Wisma Koperasi Tentera,  
Tingkat Bawah, No 1, Jalan 2/65C,  
Off Jalan Pahang Barat,  
53000 Kuala Lumpur  
**Tel: 03-4027 5411**

**NOTA PENTING:**

PIHAK AR RAHNUKT BERHAK MENOLAK ATAU MENARIK BALIK PERMOHONAN / PEMBIAYAAN INI DAN BERHAK MELELONG BARANG GADAIAN JIKA PENGGADAI DIDAPATI GAGAL MENJELASKAN PEMBIAYAAN INI BESERTA CAJ KADAR KEUNTUNGAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN YANG BERKAITAN. PIHAK AR RAHNUKT JUGA BOLEH MENDAKWA PENGGADAI JIKA BARANG GADAIAN ADALAH PALSU.

Ar RahnuKT tidak bertanggungjawab ke atas sebarang urusan pembayaran zakat emas yang disimpan oleh KT. Semua urusan bayaran zakat adalah tanggungjawab penggadai sepenuhnya.

**Penafian:**

Terma-terma dan syarat-syarat di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah tentatif / petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Ar RahnuKT. Terma dan syarat yang terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Kontrak Pembiayaan selepas kelulusan. Sila rujuk laman sesawang kami [www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my) untuk sebarang maklumat lanjut terma dan syarat.